

**SUKATAN PEPERIKSAAN *ONLINE* MEMASUKI SKIM PERKHIDMATAN  
JAWATAN GRED 19**

**SEKSYEN A – DAYA MENYELESAIKAN MASALAH**

Seksyen ini mengukur daya menyelesaikan masalah calon dengan menggunakan item-item yang berkonsepkan perkara-perkara berikut:

- (i) Kemahiran Logik
- (ii) Kemahiran Menginterpretasi Data
- (iii) Konsep Matematik dan Akaun

**(i) Kemahiran Logik**

Calon diuji dari aspek pengetahuan, kemahiran berfikir serta kemahiran mengaplikasi maklumat.

**(ii) Kemahiran Menginterpretasi Data**

Calon diuji dengan menggunakan pelbagai perangkaan dan data-data untuk dianalisis.

**(iii) Konsep Matematik dan Akaun**

Calon diuji dengan konsep Matematik dan Akaun, kemahiran *numeric* serta kuantitatif untuk mengukur kemahiran asas matematik, pemahaman konsep dan kebolehan berfikir secara kuantitatif.

Masa : 25 Minit

Soalan : 10 (Aneka pilihan)

**Contoh Soalan**

1. Sebuah mesin dapat mencetak 20 keping kad ucapan dalam masa 15 saat. Berapa kepingkad ucapan yang dapat dicetak oleh mesin itu dari 10.15 pagi hingga 11.10 pagi pada hari yang sama?
  - A. 3,400
  - B. 3,600
  - C. 4,000
  - D. 4,400
2. Sam membeli 3 biji durian dan 4 biji nanas dengan harga RM 55.20. Ali membeli 5 biji durian dan 8 biji nanas dengan harga RM 97.60. Hitung jumlah harga sebiji nanas dan sebiji durian.
  - A. RM 13.00
  - B. RM 15.35
  - C. RM 17.00
  - D. RM 18.35
3. AB merupakan satu garis lurus. Koordinat titik A ialah (5, -2). Titik B pula (6, -4). Cari kecerunan garisan AB tersebut.
  - A. 2
  - B. 3
  - C. -2
  - D. -3

## **SEKSYEN B – KEFAHAMAN BAHASA INGGERIS**

Tujuan seksyen ini adalah untuk mengukur tahap calon dalam penguasaan Bahasa Inggeris yang meliputi tatabahasa, kosa kata, pemahaman artikel dan lain-lain.

Masa : 20 Minit

Soalan : 20 ( Aneka pilihan)

### **Contoh Soalan:**

1. \_\_\_\_\_ gang of prisoners was brought to justice after they had robbed several banks in \_\_\_\_\_ areas.  
A. Those, these  
B. These, that  
C. That, this  
D. This, those
2. My father said that when he \_\_\_\_\_ up, his family didn't have much. When my grandfather took him to the mall, he \_\_\_\_\_ outside the toy store looking through the window.  
A. grew, stood  
B. grows, stands  
C. is growing, will stand  
D. was growing, would stand
3. I had a headache when I found out I was caught up in the system glitch that didn't allow me to leave the house. \_\_\_\_\_ I got to stay in and rest while watching my favourite series on Netflix.  
A. Actually  
B. At least  
C. Moreover  
D. Otherwise

## **UJIAN PSIKOMETRIK**

### **KAEDAH PENILAIAN**

- SPA menggunakan kaedah penilaian yang holistik bagi tujuan menilai aspek sikap, pengetahuan, kompetensi, kemahiran serta personaliti calon-calon untuk menentukan kesesuaian individu bagi tujuan lantikan sesuatu jawatan. Di antara kaedah ujian yang digunakan adalah ujian psikometrik, ujian pengetahuan dan kemahiran kerja, ujian kompetensi serta temu duga.

### **KRITERIA PENILAIAN**

- Bagi konsep ujian psikometrik (penilaian personaliti/kompetensi), ia direkabentuk untuk mengukur trait-trait individu berdasarkan keserasian individu terhadap pekerjaan (*job-fit*), organisasi (*organization-fit*) serta sifat kerja berpasukan (*team-fit*).
- Data-data penilaian diperolehi melalui kaedah laporan sendiri (*self-report*) iaitu individu perlu menjawab jujur dan memberikan jawapan yang paling tepat mengenai dirinya. Kaedah ini sama dengan proses temu duga berdasarkan kompetensi, cuma yang membezakannya ialah penemuduga akan menyoal secara verbal kepada calon dengan menggunakan soalan-soalan yang piawai yang telah disediakan, manakala ujian psikometrik meminta calon sendiri menjawab secara laporan sendiri (*self-report*) dengan memberikan respon kepada soalan-soalan atau kenyataan yang telah disediakan secara paparan komputer.

- Melalui respon atau jawapan yang telah diberikan oleh calon, sistem komputer akan memproses dan menganalisis data-data jawapan untuk dipadankan dengan kesesuaian seseorang calon dengan ciri-ciri dan kompetensi yang piawai pada sesuatu jenis jawatan.

---

**Sukatan Peperiksaan *Online* Memasuki Skim Perkhidmatan Awam ini adalah tertakluk kepada perubahan dan keperluan semasa kementerian/jabatan terlibat.**